

KARANGAN SURAT KIRIMAN RASMI

Lengkapkan tempat kosong dengan jawapan yang tepat

menjalankan aktiviti-aktiviti mengisi masa lapang Yang benar
perbincangan atau mesyuarat mewakili penduduk Kampung Petonia
kelas seni pertahanan diri kewujudan
mengadakan mempertimbangkan Memohon Pembinaan Dewan

Jawatankuasa Kemajuan Kampung,
Kampung Petonia,
92400 Kuching.

Tuan Pegawai Daerah,
Pejabat Daerah Siburan,
92400 KUCHING.

24 OGOS 2019

Tuan,

Merujuk kepada perkara di atas, saya _____ untuk memohon
pembinaan dewan di kampung kami.

2. Untuk pengetahuan tuan, selama ini pihak kami _____ mesyuarat di masjid
atau rumah orang-orang kampung. Kami berasakan bahawa tempat itu tidak sesuai untuk dijadikan
tempat _____. Oleh sebab itu, _____ dewan amat penting
kepada kami. Dewan menjadi tempat kami berkumpul, berbincang atau bermesyuarat.

3 Dengan adanya dewan, kami dapat _____ kampung dengan
lancar dan lebih berkesan. Kami juga boleh mengadakan kelas tuisyen, _____
dan kegiatan-kegiatan lain untuk golongan belia di kampung ini. Aktiviti ini membolehkan golongan
belia _____ mereka secara berfaedah.

4. Oleh hal yang demikian, besarlah harapan kami agar pihak tuan _____
permohonan kami dengan sewajarnya.

Sekian, terima kasih.

SHS

(SHIFA BINTI SAMAD)
Setiausaha,
Jawatankuasa Kemajuan Kampung